

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 Mac 2017

SOALAN

Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah perkembangan projek rintis permohonan bantuan kebajikan atas talian dan apakah projek ini dapat diakses melalui aplikasi telefon pintar serta berapa buah negeri sudah mula menggunakan permohonan atas talian.

JAWAPAN

Selaras dengan perkembangan semasa dan Transformasi Perkhidmatan Awam, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited mengkaji dan memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada. Perkhidmatan bantuan kebajikan adalah merupakan salah satu perkhidmatan yang terpenting di peringkat Kementerian dan melibatkan kumpulan sasar yang ramai, justeru penambahbaikan perkhidmatan ini telah diberi perhatian secara berterusan. Diantara penambahbaikan perkhidmatan yang telah dibuat adalah proses pendaftaran permohonan bantuan kebajikan atas talian. Sebagai makluman permohonan bantuan kebajikan atas talian ini adalah sebagai satu alternatif bagi pemohon yang tidak dapat hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat dan membuat permohonan melalui atas talian. Kaedah ini bertujuan bagi mempercepatkan proses pendaftaran agar lebih tepat dan berkesan. Permohonan bantuan kebajikan atas talian ini boleh dibuat menggunakan komputer atau telefon yang mempunyai akses internet iaitu melalui pautan spbk.jkm.gov.my bagi capaian ke laman sesawang Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan atau e-BANTUAN. Bagi mengelakkan lambakan permohonan yang tidak sah atau sekadar ingin mencuba, sistem menetapkan dalam tempoh empat belas (14) hari, permohonan atau wakil perlu mengemukakan dokumen sokongan ke Pejabat Kebajikan Masyarakat. Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti salinan kad pengenalan pemohon, salinan kad pengenalan ahli keluarga yang tinggal bersama, salinan kad OKU (jika kategori OKU), salinan penyata pendapatan atau surat akuan pendapatan (jika bekerja sendiri), salah satu bil utiliti seperti air/ elektrik/ telefon bagi mengesahkan alamat tempat tinggal pemohon. Sekiranya pemohon atau wakil gagal menyerahkan dokumen sokongan dalam tempoh tersebut, sistem akan membatalkan permohonan dan pemohon perlu memohon semula sekiranya masih berminat. Permohonan bantuan kebajikan atas talian ini telah dilaksanakan kepada tiga (3) negeri sebagai projek rintis iaitu Perlis, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan. Projek rintis ini telah dijalankan dalam tempoh tiga (3) bulan dari 1 Oktober 2016 hingga 31 Disember 2016. Dalam tempoh tersebut sejumlah 279 permohonan bantuan kebajikan melalui atas talian telah diterima yang melibatkan permohonan seperti berikut iaitu, Perlis sejumlah 30 permohonan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya sejumlah 185 permohonan dan Wilayah Persekutuan Labuan sejumlah 64 permohonan. Dimaklumkan ketika ini pihak kementerian melalui JKM telah mendapat maklum balas positif dari tiga (3) negeri berkenaan iaitu diantara maklum balas adalah seperti berikut: i. Secara keseluruhan sistem ini amat baik untuk dilaksanakan; ii. Memberi peluang kepada orang awam membuat permohonan dengan lebih mudah dan efisien; iii. Perkhidmatan mengikut perkembangan serta kemajuan teknologi semasa; iv. Memudahkan masyarakat berurusan dengan JKM; dan v. Mempercepatkan urusan permohonan. Pelaksanaan permohonan bantuan kebajikan atas talian ini dalam proses pertimbangan akhir sebelum diperluaskan ke seluruh negara dalam waktu terdekat.

